

## BAB KELIMA

### RUMUSAN DAN SARANAN

#### 5.0 Pendahuluan

Pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa BM/BI memaparkan suatu senario yang menarik dalam **KD** dan **KBBI**. Kelima-lima bentuk kata ganda yang mewarnai pola pemasukan dalam kamus tersebut menampilkan beberapa isu yang menarik untuk diperdebatkan. Di samping terdapat persamaan dari segi pengendaliannya, terdapat juga perbezaan corak penggarapannya dalam kamus ekabahasa yang berpengaruh itu.

Namun dalam usaha untuk mencari penyelesaian masalah dalam aspek morfologi ini, kita harus akur bahawa usaha penyusunan kamus merupakan suatu proses intelektual dan akademik sifatnya. Kamus disusun atas pertimbangan praktis yang dikembangkan melalui daya kreativiti dan inovasi penyusun kamus itu sendiri. Oleh sebab itulah asas-asas penyusunan sesebuah kamus lebih bertolak daripada tradisi dan konvensi daripada prinsip linguistik semata-mata. Tradisi dan konvensi itu dibina berterusan dengan menyerap ciptaan dan inovasi watak-watak di medan perkamusian.

Menurut Haugen (dlm Amdun 1994:3) keseragaman dalam bahasa baku ialah keseragaman bentuk dan fungsi dan keseragaman bentuk itu pula bererti wujud sistem tertentu mengenai rumus yang meliputi aspek bentuk mahupun aspek leksikal bahasa itu. Pandangan ini sudah tentunya menimbulkan polimik di kalangan penyusun kamus dan ahli linguistik kerana prinsip preskriptif yang menjurus pada peraturan tatabahasa dan

prinsip deskriptif pada leksikalnya mempunyai fungsi tersendiri dalam sebuah kamus yang disusun. John Sinclair (dlm Noresah Baharom 1996:491) berpendapat bahawa linguistik abad ke-20 merupakan linguistik yang ketandusan bukti. Ahli teoritis cenderung membuat ramalan melulu tanpa bukti korpus. Para teoritis hanya percaya pada pandangan peribadi mereka yang kadang-kadang samar-samar, dan menguji hipotesis mereka berdasarkan data korpus cebisan lalu dengan berani membuat hebohan tentang sesuatu perkara yang kebenarannya dipersoalkan. Hartmann (1993:5) berpendapat bahawa penyusunan kamus merupakan aktiviti deskriptif, merakamkan penggunaan yang wujud dan bukan memberikan rumus preskriptif atau normatif tentang bagaimana kata-kata harus digunakan dan kata mana yang harus dielakkan. Namun pandangan ini ada risikonya jika dilihat dari perspektif sesuatu bahasa yang sedang dalam proses pemantapan. Bagi Nik Safiah Karim (1994:7) penyusun kamus tidak digalakkan menggunakan nilai dirinya sendiri sewaktu membuat pilihan dan penghuraian entri kamus yang disusun olehnya. Ada dua perkara yang perlu diambil kira:

- i. Kamus sesuatu bahasa lazimnya disusun berdasarkan andaian wujud satu bentuk bahasa baku yang diterima oleh masyarakat. Maka penyusun kamus harus peka kepada hakikat iaitu bahawa sedikit aspek penentuan piawai tidak dapat dielakkan. Hal ini lebih relevan bagi bahasa yang sedang dalam proses pembinaan. Terdapat ciri-ciri peralihan, ciri-ciri yang belum mantap yang penerimaan oleh masyarakat pengguna belum pasti.
- ii. Beberapa aspek bahasa berubah lebih kerap daripada aspek-aspek lain, tetapi tidak peraturan tatabahasa. Penyusun kamus berhadapan dengan keadaan terpaksa membuat keputusan untuk menentukan ungkapan yang mana yang patut dimasukkan dan mana digugurkan, sebutan mana yang diterima dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu bagi Nik Safiah lagi bahawa jikalau langkah-langkah preskriptif perlu diambil, itu hendaklah dibuat setelah penyelidikan yang mendalam dan mantap dilakukan. Pada akhirnya apa-apa keputusan yang bercorak preskriptif didasarkan pada data yang terkumpul secara deskriptif.

Pandangan ini ada benarnya dan relevan dengan permasalahan yang dihadapi sewaktu menangani isu kata ganda dalam kamus ekabahasa BM dan BI. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kewibawaan sesebuah kamus bukan hanya bergantung pada penampilan kreativiti dan inovasi penyusunnya, tetapi juga kepada input leksikal dan tatabahasanya yang baku. Memandangkan bahawa BM sedang dalam proses pemantapan, para penyusun kamus menghadapi situasi memilih apa yang dirumuskan walaupun menghadapi kemungkinan berlaku perubahan dari beberapa aspek morfologi tersebut. Setakat ini bentuk dan jenis kata ganda yang diterapkan dalam kamus yang disusun semakin mantap walaupun berlaku perbezaan dari segi pola pemasukannya. Namun di sebalik kemantapan bentuk dan jenis kata ganda tersebut, terdapat kekalutan dan kerancuan tentang ciri-ciri yang membezakan kata ganda berentak dan bentuk kata majmuk yang sering dikacaukan dalam **KD** dan **KBBI** serta pola setara yang menyamakan bentuk imbuhan yang berlainan fungsi dalam **KD**. Persoalan ini menjadi duri dalam usaha mencari keseragaman antara **KD** dengan **KBBI**.

## 5.1 RUMUSAN

Berdasarkan lima bentuk kata ganda yang dikaji, jelas terdapat beberapa persamaan dan perbezaan pola pengendaliannya dalam kamus.

### **5.1.1 Kata Ganda Penuh**

Terdapat banyak persamaan dari segi status masukan dalam **KD** dan **KBBI**. Hampir keseluruhannya diberi taraf sebagai sublema. Namun dalam **KBBI** terdapat satu contoh bentuk kata ganda penuh yang berdiri sebagai lema di dalam kamus. Perbezaan ini menidakkan persamaan mutlak pengendalian kata ganda penuh di dalam kedua-dua buah kamus yang berpengaruh itu. Apa pun alasannya, walaupun terdapat lema yang diberi status sebagai lema, pada prinsipnya masih boleh disifatkan sebagai kata ganda penuh kerana pola dasarnya mempunyai ciri bebas, makna leksikal dan kelas tanpa digandakan.

Dari aspek pemerian makna, **KD** dan **KBBI** mengambil pendirian yang konsisten tidak memasukkan kata ganda penuh yang membawa makna jamak. Pola ini bersifat universal yang juga tidak diterapkan dalam kamus-kamus ekabahasa yang lain.

### **5.1.2 Kata Ganda Semu**

Pengendalian kata ganda semu terlihat dengan jelas dalam **KBBI** berbanding **KD**. Taraf kata ganda semu yang diperlakukan sebagai lema dalam **KBBI** ditulis dengan huruf tebal dan menepati ciri-ciri kata ganda tersebut dengan menggandakan seluruh kata kerana kata dasarnya tidak bermakna jika tidak digandakan. Namun **KD** mengambil pola yang berbeza dan belum menampakkan ciri-ciri sebagai kata ganda semu. **KD** mengambil pendirian yang agak longgar dengan hanya mengklasifikasinya sebagai prakategori dengan komponen pertama ditulis dengan tanda tilde (~) dan komponen kedua dengan huruf condong. Pola sedemikian tidak banyak membantu dari segi pencerakinannya dalam kamus kerana kata ganda semu mempunyai taraf yang sama dengan kata dasar sebagai entri utama.

Dari segi pemerian makna, kata ganda semu mempunyai keterikatan makna dengan kata ganda separa. **KD** dan **KBBI** menampilkan asosiasi dan korelasi makna secara takrifan sebenar atau secara takrifan parafrasa.

### 5.1.3 Kata Ganda Separa

Pengendalian kata ganda separa pada keseluruhannya mempunyai persamaan dalam **KD** dan **KBBI**. Kedua-dua buah kamus ini menerapkannya sebagai lema. Namun ternyata **KD** lebih dominan berbanding **KBBI** dari segi jumlah pemasukannya dalam kamus. Intensiti penggunaan kata ganda separa dalam BM dianggap tinggi kerana kecenderungan sesetengah warga pengguna BM yang menggunakan dalam wacana tertentu yang dirasakan lebih puitis dan harmoni sifatnya. Bentuk kata ganda ini bukan hanya merujuk kepada kata ganda semu yang mempunyai keterikatan makna, malah mencakup makna khusus, makna umum, serta makna yang berkaitan dengan pola dasar yang tidak terdapat dalam **KBBI**. Kaedah takrifan yang digunakan antara kata ganda separa yang berasosiasi dan berkorelasi maknanya dengan kata ganda semu adalah secara mendampingkan atau menggandingkan kata ganda semu sebagai huraiannya.

### 5.1.4 Kata Ganda Berentak

Pengendalian kata ganda berentak dalam **KD** dan **KBBI** memaparkan pelbagai pola dan ragam. Ada yang diberi taraf sebagai lema, prakategori, sublema, dan rangkai kata. Kedudukan kata ganda berentak sama ada yang tidak menjana atau menjana kata terbitan bertolak pada prinsip bahawa di samping mempunyai komponen morfem unik yang mendampingi morfem bebas, morfem ini juga mendampingi morfem unik yang lain sehingga mencetuskan beberapa perbezaan dari segi pola pemasukannya dalam kamus. Fenomena inilah yang dijadikan ukuran dalam menentukan status masukan kata ganda

dalam kamus. Dalam **KBBI**, jika salah satu atau kedua-dua komponennya mempunyai morfem unik, maka diperlakukan sebagai lema, prakategori, sublema, atau rangkai kata. Dalam **KD** pola sedemikian tidak diperlakukan sebagai lema, sekadar prakategori, sublema dan rangkai kata.

Namun isu besar yang timbul ialah kedudukan kata ganda berentak dalam **KBBI** berbanding **KD**. **KD** mengambil pendirian yang tekal dan konsisten apabila rangkai kata yang bercirikan kata ganda berentak ini mempunyai tanda sempang. Sebaliknya perbezaan yang jelas berlaku dalam **KBBI** apabila kebanyakan kata ganda berentak ini tidak mempunyai tanda sempang. Fenomena ini boleh meletakkan kata ganda tersebut bukan lagi sebagai kata ganda malah berfungsi sebagai gabungan kata atau kata majmuk. Ini kerana satu faktor penting yang membezakan kata ganda dengan bentuk kata yang lain ialah penggunaan kata sempang yang mendampingi kedua-dua kata.

Dari segi pemerian makna, kata ganda berentak menampilkkan kepelbagaiannya makna dan **KD** serta **KBBI** berkongsi makna secara total. Namun **KD** menampilkan penggunaan yang agak intensif berbanding **KBBI** dan ini menunjukkan bahawa bentuk kata ganda berentak memberi sumbangan besar dalam wacana penulisan dan wacana lisan BM.

#### 5.1.5 Kata Ganda Berimbuhan

Pola pengendalian kata ganda berimbuhan dalam **KD** kelihatan agak kompleks berbanding **KBBI**. Terdapat kepelbagaiannya pola pemasukan sama ada pada peringkat awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Ada yang diberi taraf sebagai prakategori, sublema, dan rangkai kata. Namun dari segi peletakan dalam kamus, jelas terdapat beberapa perbezaan jika ditelusuri turunan katanya. Misalnya awalan *se-* dalam **KD** diletak di awal turunan kata manakala dalam **KBBI** diletakkan di penghujung turunan kata. Morfem

imbuhan yang bertaraf kata kerja seperti *beR-*, *meN-*, *mempeR-*, *teR-* diletakkan secara berurutan dalam **KD** manakala dalam **KBBI** diletakkan secara terpisah seperti *ber-*, *me-*, *ter-*, *per-*, *memper-*. Di samping itu pola apitan *peR-an*, *peN-an* yang membawa makna proses, perihal dalam **KD** dikemudiankan daripada pola apitan *ke-an* yang membawa makna keadaan atau hal. Manakala dalam **KBBI** apitan *ke-an* dikemudiankan daripada pola *per-an*, *pe-an* yang membawa makna proses atau perihal. Perbezaan peletakan turunan ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dari segi peletakan kata ganda dalam kedua-dua kamus ini.

Di samping itu apa yang ketara dalam kamus ekabahasa ini terdapat banyak pola setara dalam **KD** yang boleh menimbulkan kerancuan dan kekeliruan. Ini terutama apabila morfem yang mengalami pengimbuhan yang membawa konsep kausatif, benefaktif dan lokatif serta konsep transitif dan intransitif, dan konsep hasil disamakan dengan konsep proses atau sebaliknya. Penggunaan setara ini menimbulkan lebih banyak kecaburan dan ini tidak banyak membantu pengguna kamus.

#### 5.1.5.1 Kata Ganda Separa Berimbuhan

Antara **KD** dengan **KBBI** mempunyai cara pemasukan yang berbeza untuk kata ganda separa berimbuhan . Walaupun sebahagian besar bentuk kata ganda separa berimbuhan berasosiasi atau berkorelasi maknanya dengan kata ganda berimbuhan yang menerima akhiran *-an*, peletakannya di dalam kamus masih belum konsisten.

## 5.2 SARANAN

Terdapat beberapa saranan untuk mengemaskinikan dan memantapkan pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus ekabahasa Melayu/Indonesia.

### 5.2.1 Kata Ganda Penuh

Alasan ilmiah perlu untuk mengklasifikasi kata ganda penuh bertaraf sebagai lema. Memandangkan bahawa **KD** belum mempunyai kelas kata, maka agak sukar untuk menentukan sesuatu kata ganda penuh bertaraf lema seperti **KBBI** yang meletakkan leksem *kalau-kalau* sebagai lema.

### 5.2.2 Kata Ganda Semu

Semua kata ganda semu harus diperlakukan sebagai lema. **KBBI** telah mula mengangkat taraf kata ganda semu sebagai lema dan usaha ini harus lebih konsisten apabila kedapatan beberapa leksem kata ganda semu diberi taraf sebagai prakategori. **KD** harus mencontohi **KBBI** dari segi penerapan kata ganda semu sebagai lema. Dalam **KD** kata ganda semu diperlakukan sebagai prakategori. Tindakan **KD** mendampingkan pola kata ganda separa kepada kata ganda semu sebagai bentuk setara perlulah dikemaskinikan semula agar masing-masing berdiri sebagai entiti yang tersendiri. Misalnya:

| <b>KD</b>                       | <b>Cadangan</b> |
|---------------------------------|-----------------|
| biri;biri-biri, bebiri          | biri-biri       |
| dari; dari-dari, dedari         | dari-dari       |
| gentik; gentik-gentik, jejentik | gentik-gentik   |
| kabu; kabu-kabu, kekabu         | kabu-kabu       |
| kisi; kisi-kisi, kekisi         | kisi-kisi       |

Namun pendirian untuk memberi huraian lengkap dalam kata ganda semu yang berasosiasi dan berkorelasi maknanya dengan kata ganda separa perlu dilihat kembali. Huraian lanjut pada perkara 5.2.3.

### 5.2.3 Kata Ganda Separa

Kedudukan kata ganda separa sebagai lema agak konsisten dalam **KD** dan **KBBI**. Namun ada juga yang dimasukkan sebagai sublema. Misalnya *cecair* tidak sepatutnya dimasukkan sebagai sublema dalam entri *cair* dalam **KD** kerana entiti maknanya berbeza dari sudut terminologi.

Di samping itu perlu dilihat kembali dari segi keterikatan makna antara komponen kata ganda separa dengan kata ganda semu. Sebelum ini **KD** dan **KBBI** mendampingkan kata ganda semu sebagai takrifan kepada kata ganda separa. Berdasarkan sumber korpus dari Pangkalan Data Korpus DBP, terdapat kecenderungan kekerapan penggunaan yang agak tinggi dalam kata ganda separa berbanding dengan kata ganda semu. Korpus dalam Pangkalan Data Korpus DBP terdiri daripada teks pelbagai bidang, genre dan sasaran pembaca. Sumber korpus berupa karya asli, terjemahan dan adaptasi yang diambil daripada buku, majalah, akhbar, teks klasik dan sebagainya. Berdasarkan maklumat terkini sehingga 21 Disember 1999, jumlah data yang terkumpul ialah 55,825,085. Maklumat lengkap tentang jumlah kata dalam Pangkalan Data Korpus DBP dimuatkan di bahagian lampiran A.

Bagaimanapun untuk tujuan kajian ini, capaian data hanya tertumpu pada data buku 70-an ke atas (12,051,103), akhbar (10,111,504), majalah (7,085,914), klasik (2,0007,947) dan teks terjemahan (1,446,470). Pembatasan terpaksa dilakukan kerana hambatan masa dan upaya sewaktu pemprosesan data. Baris konkordans dikeluarkan

berdasarkan kata kunci dalam konteks atau KWIC (keyword-in-context). Konkordans ialah senarai kata dalam korpus yang disusun mengikut abjad yang menyatakan kedudukan sesuatu kata dan cara penggunaannya. Perkataan yang dikaji disusun di tengah-tengah dengan empat perkataan di kiri dan empat perkataan di kanan. Misalnya:

LINES :

|                               |                 |                             |        |
|-------------------------------|-----------------|-----------------------------|--------|
| 1 , bagaikan pula gerak-gerak | <b>dedaunan</b> | pohon di tebing sungai itu  | K00124 |
| 2 n seorang kekasih. Serapuh  | <b>dedaunan</b> | kering, rapuh lagi hatinya. | K00151 |
| 3 lakan mancisnya, membakar   | <b>dedaunan</b> | kering yang dibawanya, Azwa | K91003 |
| 4 sepi dengan bisekan halus   | <b>dedaunan</b> | Tenteram dan damai hati-n   | B00049 |
| 5 ar suria menerobos chelah2  | <b>dedaunan</b> | yang berbisek dengan gerak  | B00049 |
| 6 liling sepi dengan lambaan  | <b>dedaunan</b> | pepohon hijau. Hening sa-h  | B00049 |
| 7 i ranting2 yang patah, dan  | <b>dedaunan</b> | yang di-pijak orang. Tiba-t | B00049 |
| 8 ermat. Dari jauh di-chelah2 | <b>dedaunan</b> | ia nampak satu chahaya. Di  | B00049 |

Angka di sebelah kiri ialah nombor rujukan baris, manakala jujukan abjad angka di sebelah kanan merupakan kod rujukan teks korpus.

Untuk kajian ini, 14 kata kunci dipilih. Pertama 7 kata kunci kata ganda separa dan kedua 7 kata kunci kata ganda semu. Ini dapat dilihat seperti carta 5.0. Beberapa contoh yang memuatkan baris konkordans kata ganda separa dan kata ganda semu dapat ditelusuri dalam bahagian lampiran B.

| Kata Kunci | Bilangan Baris Konkordans | Kata Kunci    | Bilangan Baris Konkordans |
|------------|---------------------------|---------------|---------------------------|
| bebiri     | 28                        | biri-biri     | 122                       |
| jejari     | 333                       | jari-jari     | 302                       |
| kekisi     | 147                       | kisi-kisi     | 29                        |
| kekuda     | 36                        | kuda-kuda     | 227                       |
| kekura     | 6                         | kura-kura     | 79                        |
| lelaki     | 8115                      | laki-laki     | 1205                      |
| lelangit   | 20                        | langit-langit | 51                        |

Carta 5.0: Baris Konkordans Kata Ganda Separa

Berdasarkan hasil pemprosesan data jelas bahawa kekerapan penggunaan untuk beberapa kata ganda separa seperti *jejari*, *kekisi*, dan *lelaki* lebih dominan daripada kata ganda semu seperti *jari-jari*, *kisi-kisi*, dan *laki-laki*. Fenomena ini tentunya memberi petunjuk leksikografik yang penting kepada penyusun kamus. Amalan membuat takrifan lengkap dalam kata ganda semu dan hanya mendampingkan kata ganda separa sebagai huraian dalam kata ganda separa perlulah dilihat kembali dan ditangani secara bijaksana. Penemuan tersebut memperlihatkan seolah-olah bahawa kata ganda separa yang mempunyai keterikatan makna dengan kata ganda semu semakin kerap digunakan dalam wacana tertentu. Dapatkan awal ini amat penting kepada penyusun kamus sewaktu membuat organisasi entri. Namun untuk mendapat jawapan yang benar-benar jitu dan representatif, perlulah membuat pemprosesan data dengan menjana saiz korpus yang lebih besar.

#### 5.2.4 Kata Ganda Berentak

Untuk menentukan sama ada bersifat kata ganda atau tidak, maka unsur morfem unik memainkan peranan penting. Gabungan kata atau kata majmuk terbentuk daripada dua morfem atau lebih yang terdiri daripada morfem bebas. Kata ganda terdiri daripada daripada satu morfem bebas dan satu morfem unik atau kedua-duanya morfem unik. Bagi Asraf (1995:203) salah satu ciri yang membezakan kata ganda bersajak (berentak) ialah salah satu atau kedua-dua komponennya tidak bermakna. Tidak timbul soal *pauk* pada *lauk*, *muhi* pada *kuih*, sebagai morfem bebas kerana keterikatannya lebih berupa kata ganda yang tidak boleh bertukar pasangan. Dalam **KBBI** jika salah satu atau kedua-dua morfem mempunyai morfem unik, maka akan diperlakukan sebagai lema, prakategori, sublema, atau rangkai kata. Manakala dalam **KD** pola kata ganda berentak diperlakukan sebagai prakategori, sublema dan rangkai kata. Dalam hal ini **KBBI** telah merintis jalan mengangkat kata ganda berentak yang tidak menjana kata terbitan sebagai lema.

Sehubungan dengan itu untuk mencari kekonsistenan dalam pola pengendaliannya, semua pola kata ganda berentak yang bertaraf prakategorii diperlakukan sebagai lema. Misalnya:

| <b>KD</b>          | <b>KBBI</b>              | <b>Cadangan</b> |
|--------------------|--------------------------|-----------------|
| cangkih; ~-mangkih | cangkih, cangkih-mangkih | cangkih-mangkih |
| jendal; ~-jendul   | jendal, jendal-jendul    | jendal-jendul   |
| kolang; ~-kaling   | kolang, kolang-kaling    | kolang-kaling   |
| polang; ~-paling   | polang, polang-paling    | polang-paling   |

Begitu juga untuk kata ganda berentak yang diberi taraf sebagai sublema harus dimasukkan sebagai rangkai kata. Jika *kitab-kemitarab*, *kuih-muih*, *kusut-masai lauk-pauk* dan sebagainya diperlakukan sebagai rangkai kata, apakah kewajarannya beberapa bentuk kata ganda di bawah dimasukkan sebagai sublema? Soalnya sama ada hendak ditulis dengan tanda tilde (~) dan dalam huruf tebal seperti **KBBI** atau tanda tilde (~) dan ditulis dengan huruf condong seperti **KD**, haruslah konsisten dengan bentuk rangkai kata atau frasa yang lain sama ada membawa makna harfiah ataupun makna kiasan. Misalnya:

| <b>KD</b>            | <b>KBBI</b>          | <b>Cadangan</b>  |
|----------------------|----------------------|------------------|
| kayu<br>kayu-kayan   |                      | kayu<br>~-kayan  |
| sayur<br>sayur-mayur | sayur<br>sayur-mayur | sayur<br>~-mayur |

|                    |                |
|--------------------|----------------|
| <b>serba</b>       | <b>serba</b>   |
| <b>serba-serbi</b> | <b>~~serbi</b> |
| <b>tabir</b>       | <b>tabir</b>   |
| <b>tabir-mabir</b> | <b>~~mabir</b> |

---

### 5.2.5 Kata Ganda Berimbahan

a. Konsep setara yang wujud dalam **KD** sama ada dalam prakategori, sublema, rangkai kata perlu dipisahkan sebagai unit tersendiri. Misalnya

| <b>KD</b>  | <b>Cadangan</b>   |
|--|---|
| <b>bagi</b><br><b>membagikan, membagi-bagikan</b>      | <b>bagi..</b><br><b>membagikan</b><br><b>membagi-bagikan</b>    |
| <b>ingat..</b><br><b>seingat, seingat-ingat</b>        | <b>ingat..</b><br><b>seingat</b><br><b>seingat-ingat</b>        |
| <b>lambai; melambai,melambai-lambai</b>                | <b>lambai</b><br><b>melambai</b><br><b>melambai-lambai..</b>    |
| <b>mahu</b><br><b>semahunya, semahu-mahu</b>           | <b>mahu</b><br><b>semahunya</b><br><b>semahu-mahu</b>           |
| <b>tawar</b><br><b>bertawar-tawaran, tawar-menawar</b> | <b>tawar</b><br><b>bertawar-tawaran</b><br><b>tawar-menawar</b> |

|  |   |
|--|---|
| <p><b>tidak</b><br/> <b>setidaknya, setidak-tidaknya</b></p> <p><b>tubi</b><br/> <b>mempertubi-tubi, mempertubikan, mempertubi-tubikan</b></p> | <p><b>tidak</b><br/> <b>setidaknya</b><br/> <b>setidak-tidaknya</b></p> <p><b>tubi</b><br/> <b>mempertubi-tubi</b><br/> <b>mempertubikan</b><br/> <b>mempertubi-tubikan</b></p> |
|--|---|

---

b. Kekalkan taraf sublema untuk kata ganda berimbuhan yang bertarf awalan (progresif dan regresif), akhiran, dan apitan. Bentuk sisipan yang memaparkan kepelbagaiannya dalam **KD** dan **KBBI** harus dipecahkan sebagai bentuk rangkai kata kerana pola pembentukannya berbeza dengan jenis imbuhan yang lain. Apakah rasionalnya beberapa bentuk sisipan diperlakukan sebagai sublema perlu dilihat kembali kerana pola ini berbeza dengan kata ganda progresif dan kata ganda regresif yang bertarf sublema. Dalam proses turunan kata, kata ganda yang mengalami sisipan ini adalah terbitan daripada pola dasar yang lebih berupa rangkai kata atau frasa seperti halnya dengan kata ganda berentak dan gabungan kata yang mempunyai makna harfiah dan kiasan. Maka sewajarnya bentuk kata ganda sedemikian diperlakukan sebagai rangkai kata untuk mengekalkan kekonsistenannya di dalam kamus.

| <b>KD</b>                               | <b>KBBI</b>                           | <b>Cadangan</b>                   |
|---|---------------------------------------|-----------------------------------|
|   | <b>awang</b><br><b>awang-gemawang</b> | <b>awang</b><br><b>~gemawang</b>  |
| <b>ayun</b><br><b>ayun-temayun</b>      | <b>ayun</b><br><b>ayun-temayun</b>    | <b>ayun</b><br><b>~temayun</b>    |
| <b>gulung</b><br><b>gulung-gemulung</b> |                                       | <b>gulung</b><br><b>~gemulung</b> |

|                        |                        |                  |
|------------------------|------------------------|------------------|
| <b>gunung</b>          | <b>gunung</b>          | <b>gunung</b>    |
| <b>gunung-gemunung</b> | <b>gunung-gemunung</b> | <b>~gemunung</b> |
|                        |                        |                  |
| <b>sinar</b>           | <b>sinar</b>           |                  |
| <b>sinar-seminar</b>   |                        | <b>~seminar</b>  |
|                        |                        |                  |
| <b>turun</b>           | <b>turun</b>           |                  |
| <b>turun-temurun</b>   |                        | <b>~temurun</b>  |

---

### 5.2.5.1 Kata Ganda Separa Berimbuhan

a. Ada tiga pola pemasukan.

i. Jika ada pola kata ganda separa, maka kata ganda separa berimbuhan merupakan turunan kata kerana menerima akhiran *-an*.

|                 |                  |
|-----------------|------------------|
| <b>dedaun</b>   | <b>pepohon</b>   |
| <b>dedaunan</b> | <b>pepohonan</b> |

ii. Jika kata ganda separa berimbuhan bukan terbit daripada kata ganda separa, maka pola kata ganda ini diperlakukan sebagai sublema dengan mengikut pola setara dalam **KD**. Memandangkan bahawa tidak ada bentuk kata ganda separa berimbuhan dalam sistem turunan kata, sewajarnya bentuk kata ganda ini mendampingkan kepada bentuk kata ganda berimbuhan yang menerima *akhiran -an* sebagai komponen kedua yang mempunyai keterikatan makna leksikal yang sama. Misalnya

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
| <b>rumput</b>                      |  |
| <b>rumput-rumputan, rerumputan</b> |  |

|                                 |  |
|---------------------------------|--|
| <b>wangi</b>                    |  |
| <b>wangi-wangian, wewangian</b> |  |

iii. Di samping itu terdapat juga beberapa bentuk kata ganda separa berimbuhan yang masih belum jelas taraf pemasukannya kerana berbeza dari sudut terminologi dan tidak berasosiasi dan berkorelasi maknanya dengan kata ganda berimbuhan yang menerima akhiran *-an*.

| <b>KD</b>                   | <b>KBBI</b>                          | <b>Cadangan</b>             |
|-----------------------------|--------------------------------------|-----------------------------|
|                             | <b>cair</b><br><b>cecairan</b>       | <b>cecairan</b>             |
| <b>runtuhan, reruntuhan</b> | <b>runtuhan</b><br><b>reruntuhan</b> | <b>runtuhan, reruntuhan</b> |

Dalam **KBBI** terdapat leksem *cecairan* yang diberi label bidang fizik. Pola ini tidak ada dalam terminologi BM kerana pola yang digunakan ialah *cecair*. Soalnya apakah mungkin *cecairan* itu merupakan terbitan daripada *cecair* merupakan suatu perkara yang sukar diterima. Ini kerana konsep *cecair* dalam **KD** tidak diterima dalam **KBBI** seperti halnya konsep *cecairan* dalam **KBBI** tidak terima oleh **KD**. Perbezaan terminologi ini tentunya menjadi dikotomi dalam BM dan BI dan perlulah ditangani secara terpisah dalam kamus. Maka sewajarnya leksem *cecairan* diberi taraf sebagai lema seperti halnya leksem *cecair* kerana mendukung makna khusus dan teknikal sifatnya.

Begini juga untuk makna *reruntuhan* yang jelas dalam **KD** dan **KBBI** tidak berasosiasi dan berkorelasi maknanya dengan kata ganda berimbuhan yang menerima akhiran *-an*. Pengertian yang diberikan dalam leksem *reruntuhan* lebih berupa *puing atau bekas (sisa dsb) benda yang telah runtuh, binasa, dsb*. Bagaimanapun *reruntuhan* berasosiasi maknanya dengan *runtuhan* seperti dalam **KD**. Jika ini berlaku maka garapan dalam

kamus seharusnya sama seperti halnya sewaktu menangani pola kata ganda separa berimbuhan yang setara maknanya dengan kata ganda berimbuhan yang menerima akhiran *-an*.